



**INTERIOR  
DESIGN  
(INT)**

Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan  
Bahagian 06  
Institut Teknologi Mara  
40450 Shah Alam  
Selangor

20 Oktober 1995

Cik Fauziah Pawan  
Pensyarah Asas Keushawanan  
Institut Teknologi Mara  
440450 Shah Alam  
Selangor

P - 81  
D - 80

Puan,

**Rancangan Perniagaan**


Merujuk kepada perkara diatas kami dengan segala hormatnya menyerahkan satu laporan Rancangan Perniagaan untuk memulakan satu perniagaan secara Sendirian Berhad.

Kami telah menyediakan satu projek perniagaan dalam bidang hiasan yang mana syarikat kami diberi nama Dream Castle Company.

Segala aspek seperti latar belakang perniagaan, pemasaran operasi dan keewangan terkandung dalam Rancangan Perniagaan ini. Kami berharap ianya kan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Sekian untuk pertimbangan Puan selanjutnya, terima kasih.

Yang Benar,



Ramzanee Bin Rameli  
Pengurus Besar,  
Dream Castle Company Sdn Berhad.

Trade  
table of contents

## Penghargaan

Alhamdulilah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan kurnia darinya dapatlah kami menyiapkan rancangan perniagaan yang kami adakan hasil tunjuk ajar pensyarah dan tutor bagi mata pelajaran asas keusahawanan bagi semester 6 Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan sesi Julai-Disember 1995 iaitu Cik Fauziah Pawan dan Encik Baharuddin.

Dalam kesempatan ini juga kami ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembikinan Rancangan Perniagaan ini.

## **1.0 Pengenalan**

Dream Castle Company merupakan sebuah perniagaan perkhidmatan perhiasan dalaman yang dikendalikan oleh seorang pengurus besar, pegawai pemasaran, pegawai operasi, pegawai pentadbiran dan pegawai keewangan.

Operasi utama perniagaan ini adalah memberikan perkhidmatan perhiasan langsir, wall paper, comforter, bedspread dan karpet.

Oleh itu kami yakin syarikat kami akan berkembang maju bagi memenuhi kehendak pelanggan dikawasan yang akan kami mulakan perniagaan kami.

## **2.0 TUJUAN**

- 2.1 Rancangan perniagaan ini adalah bertujuan untuk menganalisa potensi perkembangan syarikat sama ada berkemampuan untuk maju ataupun tidak.
  
- 2.2 Menjadi panduan dan pedoman kepada bumiputera sebagai gambaran awal perniagaan ini dan dapat dijalankan dengan cara yang bersistematik.
  
- 2.3 memastikan projek akan berjalan mengikut perancangan yang ada dan tidak akan berlaku lebihan belanja.